



# BULETIN SPRM

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

LAPORKAN RASUAH  
1-800-88-6000



SPRM Bil 1/2016

ISSN : 1675 -5170

Bebas • Telus • Profesional

## MACC MOBILE

### KE ARAH 'ZERO TOLERANCE'



#### Temubual Eksklusif

RADIO STREAMING  
**MACC**  
My Anti-Corruption Channel

- Tan Sri Abu Kassim bin Mohammed m/s 4
- Datuk Senator Paul Low Seng Kuan m/s 5



MUAT TURUN DI :



#### Inisiatif Integriti

- **TLDM** m/s 10
- **JKR Sabah** m/s 13



Ikuti kami :



[www.macc.fm](http://www.macc.fm)



[facebook.com/SPRM](https://facebook.com/SPRM)



[@SPRMMalaysia](https://twitter.com/SPRMMalaysia)



[www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)



[flickr.com/photos/ourdifferentview](https://flickr.com/photos/ourdifferentview)



[www.ourdifferentview.com](http://www.ourdifferentview.com)



[youtube.com/user/ODVMACC](https://youtube.com/user/ODVMACC)



# KANDUNGAN

PENA PENGARANG 2

## PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA

2016 Lebih Mencabar, SPRM Mampu Harungi 3

## SLOT KHAS

1 Jam Bersama KP di Konti MACC.fm 4

Langkah Drastik Untuk Tingkatkan CPI 5

## SUARA 'CHECK AND BALANCE'

2016 Should Be About Fighting Corruption 6

MACC Mobile 'Ke Arah Zero Tolerance' 7

## LENSA 8

## IKRAR INTEGRITI KORPORAT

Kerjasama Strategik TLDM Dan SPRM 10

Cakna Rasuah, Kolej Saito Lancar SPR 11

SPRM - Azerbaijan Tandatangani MoU Jalin Kerjasama Banteras Rasuah 12

## TIDBITS

JKR Sabah, Agensi Terawal Sahut Cabaran SPRM 13

Ikrar Integriti Penjawat Awam Negeri Melaka 14

PUSPANITA 15



## PENA PENGARANG

Tahun 2015 telah melabuhkan tirainya dan meninggalkan banyak peristiwa buat negara kita. Tidak terkecuali SPRM yang semakin matang menghadapi segala cabaran dan dugaan sepanjang tahun 2015. Selamat tahun baru saya ucapkan.

Tahun 2016 bakal menyaksikan transformasi modal insan SPRM bila mana tenaga kerja akan digembleng supaya menjadi lebih kreatif dalam melaksanakan tugas. Untuk mencapai perkara tersebut ia perlu dilaksanakan secara keseluruhan, holistik dan strategik dan perlunya tindakan untuk memastikan SPRM menjadi agensi terunggul apatah lagi apabila berdepan dengan kekangan bajet.

Kecemerlangan SPRM sudah pasti akan diteruskan. Pada tahun ini, pengurusan tertinggi SPRM telah menetapkan hala tuju yang jelas di mana mengambil kira Aspirasi SPRM 2016. Dasar 'Merakyatkan SPRM' diperkukuhkan dengan empat strategi teras iaitu pengurusan kes secara efektif, pengurusan isu secara efektif, pengurusan keterlibatan secara strategik dan pengurusan Modal Insan secara efektif.

Strategi ini dibuat agar tahap keyakinan masyarakat terhadap SPRM terus meningkat kepada 70% berbanding 65.8% pada tahun 2015. Ia pasti boleh dicapai dengan kerja kuat kita semua.

Dalam pada itu, pelancaran siaran radio atas talian anti rasuah yang pertama sejak Disember 2015 lalu telah melengkapkan misi penubuhan dalam menggunakan empat bahasa sebagai medium komunikasi untuk menyebarkan maklumat anti rasuah di kalangan rakyat.

Portal *Multilanguage* SPRM Versi 3.0 turut direalisasikan oleh SPRM. Portal ini akan menjadi pemudahcara kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat di hujung jari dengan cara yang lebih mudah dan berkesan.

Warga SPRM diseru untuk mempertingkatkan prestasi dan menyemarakkan semangat membara bagi memastikan matlamat organisasi terunggul di dunia menjadi realiti.

Akhir kata daripada saya, ayuh semua warga SPRM. Kita bulatkan tekad dan hadapi apa jua halangan dan ujian yang mendatang dan diharapkan cabaran ini tidak akan mematahkan semangat dalam usaha membanteras jenayah rasuah di negara tercinta ini. Semoga tahun 2016 membawa kejayaan yang besar kepada SPRM.

**DATO' SHAMSHUN BAHARIN MOHD JAMIL**  
Penasihat Eksekutif Editorial

Perutusan Ketua Pesuruhjaya

# 2016 Lebih Mencabar SPRM Mampu Harungi

**SURUHANJAYA** Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dibentuk sebagai sebuah suruhanjaya yang bebas, kini berada di tahun kelapan penubuhan. Di sebalik siri kejayaan direkodkan sejak 2009, SPRM berada di persekitaran yang penuh mencabar dan dugaan.



Bagi pihak Pengurusan Tertinggi, saya berbangga dengan pencapaian-pencapaian yang penuh bermakna setakat ini. Ini termasuklah pengiktirafan *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC), di mana 23 kejayaan dan amalan baik. Pengiktirafan ini adalah yang terbanyak pernah dicapai oleh mana-mana negara yang dinilai oleh UNODC. Malah, UNODC juga mengiktiraf mekanisme '*check and balance*' dan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) sebagai hab latihan peringkat antarabangsa. SPRM juga berbangga kerana Mesyuarat *South East Asia Parties Against Corruption* (SEA-PAC) Kali Ke-10 pada Disember 2014 telah memutuskan untuk menerima MACA sebagai hab latihan kepimpinan bagi rantau agensi-agensi pencegahan rasuah Asia Tenggara.

Pada tahun 2014, SPRM telah mengendalikan sebahagian kursus Program Sarjana Pengajian Pencegahan Rasuah (MACS), yang ditawarkan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IACA). Malaysia adalah negara tunggal, yang pertama, dipilih oleh IACA bagi tujuan tersebut. Ia satu pengiktirafan yang amat bernilai bagi MACA, SPRM dan Malaysia. SPRM sekali lagi diberi penghormatan untuk mengendalikan MACS pada Januari 2016.

Pada masa yang sama, SPRM telah menyaksikan kejayaan dalam melengkapkan Program Transformasi merangkumi ketiga-tiga sektor operasi, modal insan dan pencegahan. SPRM telah memperkenalkan lebih 30 inisiatif pembaharuan setakat ini. Antaranya pengurusan aduan yang lebih sistematik melalui pengenalan Sistem Pengurusan Aduan (CMS); penggunaan bilik temu bual berveideo (VIR) yang berjaya mengekalkan aduan sifar berkaitan kekerasan pegawai SPRM semasa merakam percakapan saksi, suspek dan orang kena tangkap; pendekatan pengurusan siasatan berpasukan (MTI) dengan fasiliti Bilik Gerakan Operasi Siasatan (BGOS), di mana langkah-langkah ini berjaya memendekkan tempoh siasatan dan meningkatkan keberkesanan operasi SPRM. Misalnya, SPRM berupaya menyiapkan siasatan sebahagian besar kes pada tahun yang sama. Misalnya, pada tahun 2014, kita telah berjaya menyiapkan 85 peratus Kertas Siasatan dalam tahun semasa.

Kejayaan ini merupakan hasil transformasi operasi melalui pelaksanaan pendekatan MTI. Tahniah dan syabas.

Pendekatan *engagement* yang tersusun dan keberkesanan strategi sektor operasi juga telah membantu meningkatkan kadar keyakinan secara berterusan – daripada 31 peratus pada tahun 2009 kepada lebih 60 peratus tahun lalu. Kita berharap ia akan meningkat kepada 80 peratus pada 2020.

Kecemerlangan SPRM bukan hanya berkait rapat dengan prestasi setiap warga kerja, malah bergantung kepada sokongan padu '*stakeholder*' yang sama-sama memikul tanggungjawab dan amanah memerangi rasuah.

SPRM yang berpegang teguh kepada moto Amanah, Tegas dan Adil, akan terus mara tanpa rasa gentar untuk menangani kesemua isu yang sedang dihadapi. SPRM akan memastikan aspirasi rakyat sentiasa diutamakan dengan bersandarkan kepada prinsip profesionalisme, bebas dan telus serta berwibawa.

Saya ingin mengulangi, usaha memerangi jenayah rasuah adalah jihad paling utama bagi kita. Saya melihat tahun 2016 akan lebih mencabar.

SPRM akan memberi perhatian serius terhadap keluhan rakyat berkaitan isu-isu rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Setiap keluhan itu perlu diterjemahkan ke dalam bentuk siasatan, pencegahan dan tindakan-tindakan lain bagi menunjukkan keseriusan, kesungguhan serta keprihatinan SPRM dalam menangani isu-isu rasuah yang dekat di hati rakyat.

Biarpun SPRM telah menyaksikan banyak perubahan sejak 2009, ia tidak sedikit pun mengubah falsafah, pendirian dan semangat dalam memerangi jenayah rasuah.

SPRM akan meneruskan strategi Merakyatkan SPRM, yang telah diperkenalkan pada tahun 2015, untuk meneruskan kejayaan dan mencapai sasaran ditetapkan, sekali gus meningkatkan keyakinan masyarakat.

Saya mahu mengulangi penegasan, usaha membanteras rasuah adalah amanah yang dipikul oleh semua dan kami bersedia mengikat janji untuk meneruskan usaha ini, walaupun semakin hari rintangan yang dihadapi semakin sukar dan mencabar, demi melahirkan Malaysia yang bebas rasuah.

Tiada organisasi yang bebas dari cabaran dan dugaan. Setiap cabaran dan dugaan perlu ditangani secara strategik dan satu hati untuk meningkatkan keberkesanan optimum. Begitu juga SPRM, yang mempunyai tanggungjawab yang berat untuk diharungi. Ketika peruntukan bajet SPRM juga berhadapan dengan pengurangan susulan dasar fiskal Kerajaan, Pengurusan Tertinggi dengan sokongan semua pihak akan memastikan kualiti siasatan dan operasi tidak terjejas dengan memberi penekanan ke atas pengurusan dan penggunaan modal insan dengan sebaik mungkin.

Buletin SPRM diterbitkan oleh Seksyen Penerbitan, Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM melalui konsep "Informasi Dikongsi Rasuah Dihindari". Artikel-artikel dalam buletin ini hanyalah pandangan peribadi penulis, bukan dasar atau kenyataan rasmi SPRM dan tiada kaitan dengan mana-mana pihak. Buletin ini diedarkan secara percuma kepada sektor kerajaan, badan berkanun, swasta dan perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS) seluruh negara.

## PENCETAK

MPH Group Printing (M) Sdn Bhd  
No.31 Jalan 2/148A, Taman Sungai Besi Industrial Park,  
57100 Kuala Lumpur  
Tel : 03-7987 0966 | Faks : 03-7984 0966



**MACC.fm**  
My Anti-Corruption Channel

dengarkan di:  
[www.macc.fm](http://www.macc.fm)

Dapatkan aplikasi MACC fm di:  
Google play  
Available on the App Store

Facebook: facebook.com/maccfm

**Eksklusif Bersama**  
Ketua Pengerusi SPRM  
**Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed**

Pada:  
21 Januari 2016  
3 - 4 petang

Hanya di:  
MACC.fm

**SOALAN 1:** Tahun 2015 merupakan tahun yang sukar. Apakah isu dan cabaran yang dihadapi dalam usaha mencegah rasuah?

2015 merupakan tahun yang bukan sukar, tetapi mencabar. Ia berkenaan dua perkara, iaitu SPRM dan saya sendiri dimana berkenaan masalah kesihatan saya. Bagi SPRM, kita berhadapan dengan banyak cabaran-cabaran yang menguji sejauh mana kita menjalankan tugas secara profesional, bertindak adil dan memastikan tindakan-tindakan adalah mengikut lunas undang-undang tanpa agenda lain. Ini adalah penting kerana sebagai penguatkuasa undang-undang berteraskan kepada legal frame work yang sedia ada. Apabila siasatan melibatkan sensitiviti kepada kerajaan dan memberi kesan keseluruhan kepada masyarakat, kita tetap perlu melaksanakan tugas kita mengikut undang-undang yang telah diluluskan di Parlimen. Walaupun cabaran tersebut besar, saya bersyukur kerana adanya pegawai-pegawai SPRM yang dengan kejitamaannya yang tinggi serta berupaya dan bijaksana, dapat mengatasi masalah-masalah tersebut dan bertekad untuk terus menjalankan tugas.

**SOALAN 2:** Mengenai gelombang sokongan rakyat 2015 yang sangat meningkat, apa pendapat Tan Sri – adakah ia hasil daripada ketelusan SPRM atau berkaitan dengan isu yang melanda SPRM?

Saya rasa perubahan ini bermula daripada insiden yang berlaku yang telah membuka mata masyarakat tentang bahawa SPRM adalah sebuah agensi yang berpegang kepada prinsip profesional, tegas, telus dan adil dalam menjalankan tugas.

Akibat daripada tindakan SPRM, mereka mula percaya bahawa apa yang telah dinyatakan oleh SPRM bermula dari transformasi hingga kini mempunyai makna yang jelas dan tepat pada masanya. Ini membuktikan SPRM sebagai sebuah badan yang profesional dan bebas.

**SOALAN 3:** Masyarakat masih tidak faham berkenaan isu RM2.6 bilion. Malah pihak media sosial memaparkan seolah-olah siasatan SPRM diatur. Apa pendirian dan siapa rakyat patut percaya?

Pertamanya, sebuah pasukan petugas khas (*taskforce*) ditubuhkan melibatkan beberapa agensi dengan tugas yang khusus. Contohnya, pihak Bank Negara Malaysia diberi tugas untuk menyiasat berkenaan apa-apa pelanggaran peraturan kewangan dan perbankan (*financial banking procedures*), Polis Diraja Malaysia (PDRM) memberi tumpuan kepada siasatan berkenaan 1MDB dan dua perkara diberi kepada SPRM iaitu berkenaan RM2.6 bilion yang masuk ke akaun Perdana Menteri Malaysia dan kes berkenaan SRC International. Pasukan petugas khas ini bertujuan untuk menyelaraskan tindakan-tindakan siasatan oleh penguatkuasa undang-undang.

Apa yang menimbulkan kekeliruan ialah apabila 1MDB dikaitkan dengan RM2.6 billion yang kita siasat, padahal ia merupakan dua perkara yang berbeza. Sebagaimana kita tahu 1MDB kini di pihak PAC (*Public Accounts Committee*) dan pihak polis melihat perkara tersebut. Tumpuan siasatan SPRM hanya kepada isu RM2.6 bilion dan bukan 1MDB.

**SOALAN 4:** Apakah status berkenaan isu RM2.6 bilion?

Tanggungjawab SPRM adalah untuk menyiapkan siasatan. SPRM merupakan institusi yang ditubuhkan untuk menjalankan siasatan, dalam erti kata, mendapatkan apa yang sebenarnya berlaku berkenaan sesebuah kes, mencari keterangan-keterangan, mendapatkan pembuktian dan setelah memenuhi perkara tersebut, berdasarkan perlembagaan dan undang-undang dalam ASPRM 2009, kita perlu dan wajib menyerahkan hasil siasatan kepada peguam negara yang akan menentukan tindakan selanjutnya.

Siasatan kes RM2.6 bilion telah pun kita kemukakan kepada peguam negara hujung bulan lepas dan beberapa hari lepas peguam negara telah kembalikan kertas siasatan untuk beberapa penjelasan dan berkenaan tindakan-tindakan yang perlu diambil.

Kami sedar yang ramai terkeliru tetapi sebenarnya penyerahan balik kertas siasatan merupakan satu perkara biasa dan luar biasa sekiranya tidak. SPRM akan menjalankan beberapa tindakan dan setelah itu mengemukakan kembali kepada peguam negara untuk semakan hasil tindakan SPRM.

**SOALAN 5:** SPRM tidak mempunyai kuasa mendakwa dan masyarakat masih tidak memahami aspek ini berbanding beberapa negara lain. Apakah struktur undang-undang negara ini yang tidak memberi kuasa tersebut?

Sistem perundangan negara kita mewarisi sistem berasaskan kepada undang-undang *common law* untuk negara-negara di bawah penjajahan british. Ia berkonsepkan pengasingan kuasa (*check and balance*) di bawah entiti *Criminal Justice System* diimbangkan. Contohnya, mereka berpegang kepada bahawa penyiasat perlu jalankan siasatan, pendakwaan menjalankan pendakwaan dan Judiciary (kehakiman) membuat pengadilan.

Semua negara komanwel seperti Hong Kong, Singapura, Brunei dan India menggunakan sistem yang sama. Kita perlu faham bahawa terdapat perbezaan model pelaksanaan sistem keadilan berdasarkan sistem perundangan dan perlembagaan. Perbandingan mesti antara sistem yang sama.

**SOALAN 6:** Bagaimana dengan mekanisma *check and balance*?

Yang penting adalah sejauh mana mereka yang berada dalam sistem keadilan menjalankan siasatan dan tanggungjawab dengan adil. Contohnya keadilan badan siasatan dan badan pendakwaan serta kehakiman sesebuah negara perlu dijalankan berdasarkan tindak tanduk adil. Ketiga-tiga elemen ini cukup penting untuk memastikan bahawa keadilan ditegakkan dalam sebuah negara.

**SOALAN 7:** SPRM di bawah naungan Tan Sri telah banyak berubah menerusi pengenalan transformasi SPRM. Apakah penambahbaikan yang paling ketara yang boleh dikongsi?

Pada permulaan ilham Transformasi SPRM, antara niat dan objektif adalah, pertamanya, menaikkan kedudukan SPRM ke satu tahap yang dihormati dan menjadi agensi pencegahan rasuah antara yang terunggul di dunia. Transformasi SPRM masih berpegang kepada visi dan misi yang ditetapkan sejak 1995. Pada tahun 2008 kita menyemak semula dan melaksanakan *gap analysis* dan kajian menunjukkan bahawa banyak tindakan perlu diambil untuk penambahbaikan. Usaha ini memerlukan tindakan keseluruhan, holistik, strategik serta teratur untuk memastikan ianya memberi kesan ke atas menjadikan sebuah agensi pencegahan rasuah antara yang terunggul di dunia. Semakam kami telah menunjukkan banyak persamaan dengan agensi-agensi yang kini antara terunggul seperti ICAC Hong Kong. Menerusi *gap analysis*, kita sedar bahawa beberapa perubahan diperlukan akibat perubahan persekitaran (*environment*) serta kehendak rakyat yang berbeza. Untuk melakukan perubahan tersebut kita merujuk kepada asas (*foundation*) kita iaitu berkaitan struktur yang mampu meningkatkan prestasi dan juga persepsi rakyat terhadap kebebasan SPRM.

Bahagian 2 bersambung dalam Buletin SPRM Bil 2/2016

**RADIO STREAMING**  
**MACC.fm**  
My Anti-Corruption Channel

dengarkan di:  
[www.macc.fm](http://www.macc.fm)

Dapatkan aplikasi MACC fm di:  
Google play  
Available on the App Store

Facebook: facebook.com/maccfm

**Eksklusif Bersama**  
**YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Pada:  
16 Februari 2016  
3 petang

Hanya di:  
MACC.fm

# Langkah Drastik Untuk Tingkatkan CPI

Kerajaan Malaysia perlu mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memperbaiki tahap Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia yang menurun daripada kedudukan 50 ke 54 bagi tahun 2015.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan menerusi satu sesi wawancara khas di MACC.fm berkata, langkah-langkah drastik bagi memastikan amalan urus tadbir yang baik di peringkat institusi perlu ditekankan, terutamanya dari segi profesionalisme dan kebebasan supaya usaha untuk meningkatkan CPI dapat dicapai.

Selain itu, katanya, kerajaan perlu mengadakan program-program transformasi supaya perubahan-perubahan di peringkat institusi dapat dilaksanakan secara efektif dan menyeluruh.

*“Pihak kerajaan perlu konsisten dalam menegakkan keadilan berdasarkan undang-undang tanpa mengira situasi semasa di samping memandang berat terhadap isu pendakwaan serta menambah baik sistem perolehan kerajaan,” ujar beliau pada sesi wawancara khas.*

Tambah beliau, orang ramai perlu memberi sokongan penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam usaha memerangi rasuah.

“Saya kesal dengan tindakan sebilangan blogger yang cuba menjatuhkan SPRM dengan memberi maklumat yang tidak tepat.”

*“Oleh itu, masyarakat perlu memberi sokongan kepada SPRM yang selama ini berusaha membanteras rasuah walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran,” katanya.*

Antara isu lain yang dibincangkan dalam sesi wawancara yang berlangsung selama satu jam itu juga menyentuh isu dana politik, transformasi sektor awam dan peruntukan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat.



Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ditemani KPKPj Abdul Samat Kasah, Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM semasa sesi wawancara khas di MACC.fm



# 2016

## Should Be About Fighting Corruption

*"As a nation, we have to stand together and be sure of ourselves and not be swayed by negative emotions, especially those which touch on racial and religious diversity. Religious values have to be inculcated continuously at all levels."*

By : Walter Sandosam



Last year has been a bumpy ride both on the political and economic fronts. As a nation, we should reflect and look ahead positively.

Noble intentions are many. These need working on daily and in perpetuity as nothing good evolves from negativity and mutual distrust.

Of late, there has been growing intolerance of our diversity on both racial and religious grounds.

On the economic front, the prices of our main export commodities have fallen, affecting the ringgit and cost of living. If that is not enough, national security is being threatened by extremism and radicalism from external elements.

Casting aspersions on any single segment of the population based on religious, political, economic or social leanings do not help in fostering unity.

They, in fact, create mistrust and more headaches for the authorities.

Perceived credibility deficits and truth deficits are affecting the psyche of the nation. When trust is low, everyone acts selfishly and believes everyone else will do the same.

We as members of civil society have a role to play in building a long-term culture of integrity and good governance.

These are the building blocks of trust. Each member of the community has to take responsibility in the building of trust.

High levels of ethics, governance and integrity are components that need to be emphasised to ensure a corrupt-free country. Corruption is a scourge which has to be overcome or it will consume us. While greed is insatiable, corruption, on the other hand, is a mindset.

Without integrity, corruption thrives. This is the reality, to which some are oblivious.

To build trust, we must strive to address the divisions that exist in society, and which seem to be growing wider over time.

These include not only the familiar ethnic, religious and territorial divisions but also divisions in social class and ideology.

One cannot build a high-trust society if we continue to be polarised in so many ways. It cannot happen if there is unequal or unfair treatment across the many communities and groupings.

All institutions of governance have a role to play and they must be seen to be playing it effectively in the interests of the wider public and not entrenched for self-serving pressure groups.

Public perception must not be compromised.

As a nation, we have to stand together and be sure of ourselves and not be swayed by negative emotions, especially those which touch on racial and religious diversity. Religious values have to be inculcated continuously at all levels.

Going into 2016, we should celebrate our differences. Do not play up non-existent threats and be afraid of shadows.

The law is there to protect and the police should act fairly and firmly based on the rule of law.

We should focus our efforts on initiatives towards building a more harmonious and mature Malaysia, which is able to take all challenges in its stride.

Good governance and strong positive values related to ethics, morality and integrity are key to national development. We have to internalise these values to be able to compete effectively in the global arena.

It is a monumental task which all should take responsibility for and be accountable. It must be our New Year resolution for 2016.  
- December 31, 2015.

:: The views expressed here are entirely the writer's own.

Walter Sandosam is a member of the Consultation and Corruption Prevention Panel and a past member of the Operations Review Panel of the MACC Independent Oversight Body.

# MACC Mobile

## Ke Arah 'Zero Tolerance'



MACC Mobile merupakan saluran alternatif yang disediakan untuk orang awam menyalurkan aduan rasuah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan cepat dan pantas.

MACC Mobile menyediakan perkhidmatan semakan aduan rasuah bagi setiap aduan yang telah dihantar dan diterima oleh SPRM. Malah pengguna juga boleh membuat semakan pesalah rasuah dan juga maklumat-maklumat am yang berkaitan dengan SPRM.

Baru-baru ini pasukan T-CARE yang terdiri daripada pegawai-pegawai SPRM dari Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat telah menjuarai Naib Johan dalam Pertandingan 24 jam Membangunkan Aplikasi Mudah Alih Kerajaan (APPGENERATION).

Pengarah BPRTM, Dato' Nor Azmi Karim mengetuai pasukan tersebut yang terdiri daripada PPJ Suzana Alias, PsK Ahmad Faiz Hassan, PsK Dewi Mariati Mahmud, PsK Budi Hermawan Saka dan PKPs Saiful Azri Mohamad.



Pasukan T-CARE SPRM diketuai Pengarah BPRTM, Dato' Haji Nor Azmi (tengah) menerima hadiah Naib Johan Pertandingan APPGENERATION

## MoU SPRM - MCA

### Menzahirkan Penggunaan Modul Pencegahan Rasuah



Hadir bagi majlis Menandatangani MoU Penggunaan Modul Pencegahan Rasuah SPRM - MCA ialah Dato' Sri Haji Mustafar Haji Ali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datin Paduka Chee Mei Fun MCA, Pengetua Sekolah Pengajian Politik MCA dan Dato' Sri Wee Ka Siong, Timbalan Presiden MCA.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Malaysian Chinese Association (MCA) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) penggunaan Modul Pencegahan Rasuah untuk meningkatkan kesedaran menjauhi rasuah di kalangan ahli MCA.

Majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat MCA di Jalan Ampang, Kuala Lumpur. MCA merupakan parti politik pertama di Malaysia mengambil langkah ini. Bagi pihak SPRM, MoU ditandatangani oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Sri Haji Mustafar Haji Ali, manakala MCA diwakili oleh Pengetua Sekolah Pengajian Politik MCA, Datin Paduka Chee Mei Fun.

Turut hadir ialah Timbalan Presiden MCA, Dato' Sri Wee Ka Siong dan Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya Abdul Samat Kasah.

Detik bersejarah ini adalah susulan sesi engagement yang dianjurkan sejak SPRM memperkenalkan program transformasi secara menyeluruh.

Menurut Haji Mustafar, MoU ini akan membolehkan ahli politik terutama kalangan anggota MCA mengenali secara mendalam berkenaan kaedah pencegahan rasuah yang perlu dipraktikkan oleh ahli-ahli politik.

"Ini kali pertama SPRM memperkenalkan modul pencegahan rasuah kepada parti politik. MCA merupakan parti politik pertama menggunakan modul ini sejak Disember lalu dan SPRM berusaha agar politik yang lain mengambil pendekatan sama seperti MCA.

*"Ini merupakan satu titik permuafakatan dan diharap dapat membentuk amalan budaya berintegriti dalam berpolitik serta menyebarkan informasi modul berkenaan," kata Haji Mustafar.*

Modul ini digubal oleh Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM. Antara kandungan modul ini definisi rasuah, hukuman dan kesalahan rasuah, peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan rasuah dan kesan buruk rasuah. Di samping itu diselitkan juga statistik terkini penglibatan ahli politik dalam jenayah rasuah.

Sementara itu, Dato' Sri Wee berkata, MoU ini adalah satu kerjasama ke arah memerangi rasuah. "Ini kali kedua secara rasmi dan pada tahun ini, MCA menyasarkan untuk melatih sehingga 10,000 anggota MCA melalui pengenalan modul pencegahan di sekolah MCA.



# Lensa SPRM



Dato' Sri Mohd Shukri Abdull turut hadir dalam menyokong kempen derma darah



Sebahagian staf dan pegawai SPRM yang menjayakan Kempen Derma Darah



Dato' Azam Baki, Pengarah Bahagian Siasatan turut prihatin dalam Kempen Derma Darah



"Setitik darah sejuta rasa"



"Derma darah, selamatkan nyawa"

## Kempen DERMA DARAH 29 Februari 2016



#SPRM Prihatin



Dato' Yusoff Akope, Pengarah Bahagian Pemeriksaan & Perundingan turut memberi sokongan untuk menderma darah



"Menderma darah semulia-mulia sedekah"







# KERJASAMA STRATEGIK TLDM DAN SPRM



Dalam usaha memantapkan strategi memerangi rasuah dan meningkatkan tadbir urus, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah mewujudkan kerjasama strategik dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Panglima Tentera Laut, Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman Haji Ahmad Badaruddin dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Sri Haji Mustafar Haji Ali telah mengadakan sesi khas perbincangan pada 11 Februari di Wisma Pertahanan Kuala Lumpur, serta mencapai kata sepakat menubuhkan jawatankuasa bersama dalam merangka strategi dan inisiatif bagi mencapai hasrat tersebut.

Tindakan proaktif ini penting bagi memantapkan pengurusan perolehan dan kewangan serta meningkatkan aspek integriti di TLDM. Usaha ini juga dapat memastikan ketelusan dan kejujuran dalam setiap proses kerja, peraturan dan tatacara selain proses perancangan serta penyeliaan perolehan, tender mahupun kontrak dalam perkhidmatan TLDM.

**Kepentingan dalam kerjasama ini juga bagi mendapatkan pandangan dan sokongan SPRM demi penambahbaikan terhadap dasar, pengarah atau prosedur yang mengekang kepada kelancaran tadbir urus organisasi TLDM. Maklumat awal amat diperlukan mengenai sebarang kes ketidakpatuhan dalam tadbir urus TLDM sebagai satu langkah pencegahan, sejajar dengan Empat Nilai Teras TLDM (4K) iaitu Kemuliaan atau Kehormatan, Kesetiaan, Keberanian dan Kebanggaan.**

TLDM melihat kerjasama strategik bersama SPRM mampu mewujudkan jaringan komunikasi yang lebih berkesan sama ada di peringkat tertinggi mahu pun di peringkat operasi selaras dengan halatuhu 2016 Kementerian Pertahanan.

Pada sesi pertemuan tersebut, Laksamana Dato' Seri Kamarulzaman telah memaklumkan empat inisiatif bagi mengekang isu ketidakpatuhan dan penyelewengan dan sekaligus membantu kerajaan dalam usaha memerangi rasuah.

Yang pertama adalah melaksanakan proses konsolidasi semua kontraktor, syarikat pembekal dan perkhidmatan yang berdaftar dengan TLDM bagi mengenal pasti syarikat yang benar-benar tulen, berkeupayaan serta komited untuk menyokong usaha menentukan kesiapsiagaan aset TLDM dibuat secara telus, berintegriti dan menjaga kepentingan TLDM dan kerajaan terpelihara.




Panglima Tentera Laut, Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman (tengah) mengadakan perbincangan dengan pihak SPRM diketuai oleh Dato' Sri Haji Mustafar (kanan) bagi memantapkan pengurusan perolehan kewangan serta meningkatkan aspek integriti di dalam TLDM.

Inisiatif kedua adalah menggalakkan 'Whistle Blower' di setiap lapisan warga TLDM dan masyarakat agar kes penyelewengan, salah laku, rasuah ataupun penyalahgunaan kuasa dapat diatasi sebaiknya. Ketiga adalah arahan pemasangan CCTV di tempat Jawatankuasa Penganugerahan Pembelian Terus Bersidang serta tempat yang terdapat aktiviti perolehan agar aspek ketelusan dapat dipastikan. Manakala inisiatif keempat adalah TLDM berhasrat untuk menerapkan Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge*) kepada syarikat-syarikat yang memperolehi kontrak dalam memberi perkhidmatan dan pembekalan kepada TLDM.

Dalam pada itu, SPRM menyambut baik kerjasama yang diperlihatkan oleh kepimpinan TLDM kerana kerjasama ini merupakan satu perkembangan penting yang baik dan membina bagi mewujudkan persekitaran bebas rasuah dan budaya berintegriti tinggi di TLDM.

SPRM yakin usaha yang akan diambil oleh TLDM akan menyumbang ke arah kewujudan satu sistem perolehan yang kukuh, khususnya bagi mengelakkan sebarang unsur rasuah dan penyelewengan.

Kumpulan perbincangan SPRM - TLDM turut disertai Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM, Dato' Mohamed Yusoff Akope (tiga dari kanan), Dato' Haji Jalil Jaafar (kiri), pegawai integriti Kementerian Pertahanan dan pegawai-pegawai kanan TLDM.



*"Komitmen ini juga selari dengan tema sambutan ulang tahun APMM kali ini iaitu "Integriti Sepakat Maritim Berdaulat" dan bertepatan dengan fungsi agensi berkenaan yang menuntut setiap warganya menjalankan tugas dengan penuh berintegriti." kata beliau ketika berucap pada majlis berkenaan pada 15 Februari di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang bersempena sambutan Hari Ulang Tahun APMM yang ke-11.*



## APMM ZAHIR KOMITMEN Cegah Rasuah

Usaha Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menandatangani Kenyataan Komitmen Bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dilihat memberi mesej jelas kepada semua pihak agar lebih berwaspada dengan bahaya rasuah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Shahidan Kassim berkata, beliau memuji inisiatif oleh Pengurusan Tertinggi APMM dalam usaha mencegah rasuah ini serta berharap perkara tersebut diberi sokongan padu oleh semua pegawai dan anggota demi keutuhan APMM sebagai sebuah agensi penguatkuasa maritim yang kredibel dan bermaruah tinggi.

Majlis menandatangani disempurnakan oleh Ketua Pengarah APMM, Laksamana Maritim Dato' Haji Ahmad Puzi Haji Ab Kahar dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Sri Haji Mustafar Haji Ali dengan disaksikan oleh Dato' Seri Shahidan.

Kenyataan Komitmen ini dimulakan dengan fasa pertama berkuat kuasa selama lima tahun berasaskan terma rujukan yang telah digaris.

Langkah bersejarah ini menjadikan APMM sebagai agensi penguatkuasa pertama di bawah Jabatan Perdana Menteri dan agensi atau jabatan yang ke-29 menandatangani Kenyataan Komitmen bagi menjayakan usaha pencegahan rasuah.

Sementara itu, Dato' Sri Haji Mustafar menyambut baik langkah yang diambil oleh APMM dengan harapan kerjasama kedua-dua pihak akan meningkatkan keberkesanan usaha pencegahan rasuah berterusan.



Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil (kiri) menyerahkan sijil pelantikan kepada YBhg. Dato' Kamaruddin Mohd Ismail, Ketua Pegawai Operasi Kolej Saito sempena Majlis Pelancaran Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) Kolej Saito

## CAKNA RASUAH KOLEJ SAITO LANCAR SPR

daripada kajian yang dijalankan pada tahun 2002 yang menunjukkan sebanyak 30.5% responden daripada golongan pelajar sanggup menerima rasuah sekiranya mempunyai jawatan dan kedudukan. Selain itu, statistik tangkapan dari tahun 2002 hingga 2012 juga menunjukkan 54% responden yang terlibat adalah golongan yang berumur 40 tahun ke bawah.

Kolej swasta di negara ini kini dilihat memberi perhatian serius tentang keperluan memberikan pendedahan serta pendidikan berkaitan pencegahan rasuah di kalangan penuntut di institusi berkenaan.

Buktinya Kolej Saito telah melancarkan penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR). Kolej Saito yang merupakan kolej swasta kedua menubuhkan SPR selepas Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). Majlis Pelancaran SPR Kolej Saito ini telah dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil.

Menerusi ucapan perasmian, Dato' Shamshun Baharin berkata Sekretariat Pencegahan Rasuah ditubuhkan hasil

Melalui penubuhan sekretariat ini juga secara tidak langsung pencegahan rasuah boleh dibudayakan kepada remaja yang bakal menjadi tulang belakang kepada pentadbiran dan pembangunan negara

Justeru itu, SPRM menerusi Cawangan Pendidikan, Bahagian Pendidikan Masyarakat memperkenalkan Sekretariat Pencegahan Rasuah di Universiti Awam pada tahun 2007 dan kemudian diperluas ke Institut Pendidikan Guru, Institut

Pendidikan MARA dan universiti swasta untuk mendekati golongan belia khususnya mahasiswa dan mahasiswi.

*Dengan penubuhan sekretariat ini, ahli SPR akan diberi pendedahan berkaitan bidang tugas SPRM, ilmu-ilmu berkaitan integriti dan anti rasuah agar mereka boleh menjadi 'key communicator' bagi menyebarkan mesej anti rasuah bukan sahaja kepada rakan-rakan mahasiswa dan mahasiswi malah kepada seluruh warga institusi berkenaan.*

Selain itu, Ketua Eksekutif Operasi Kolej Saito, Datuk Kamaruddin Mohd Ismail berkata, penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah adalah sangat bertepatan dengan kursus yang ditawarkan oleh Kolej Saito iaitu Pentadbiran Undang-Undang dan Pengurusan Keselamatan. Ia juga akan memberi pendedahan dan pendidikan awal kepada para pelajar untuk mengenali apa itu rasuah sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan kelak.



# FORUM ANTI RASUAH

*Anti Corruption Efforts in South East Asia :  
Genuine or Merely There*

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah melakukan usaha yang bersungguh-sungguh dalam membanteras rasuah di Malaysia semenjak penubuhannya 48 tahun lepas.

Perkara tersebut ditegaskan oleh Ketua Pesuruhjaya, Tan Sri Abu Kassim Mohamed semasa menjadi ahli panel dalam Forum Anti Rasuah yang diadakan pada 22 Januari di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Kuala Lumpur.

Sewaktu ditanya berkenaan sejauh mana kebebasan SPRM, beliau menegaskan bahawa SPRM merupakan sebuah entiti pencegahan rasuah yang bebas.

"Selama ini kita telah menyasat banyak kes berprofil tinggi yang melibatkan individu-individu berpengaruh bagi memastikan kita benar-benar bebas," katanya.

"Majoriti masyarakat masih tidak mengetahui bahawa SPRM berperanan untuk menyasat kes-kes berkaitan rasuah manakala tugas pendakwaan dilaksanakan oleh Jabatan Peguam Negara," katanya.



Forum bertemakan "Anti-Corruption Efforts in South East Asia : Genuine or Merely There" anjuran oleh Pusat Pengajian Antarabangsa, MACA yang turut menampilkan bekas Pesuruhjaya di Komisi Pembanteraan Korupsi (KPK), Indonesia, Erry R. Hardjapamekas sebagai panel jemputan dan dipengerusikan oleh Presiden Transparency International – Malaysia (TI-M), Dato' Akhbar Haji Satar.

Turut hadir ialah 29 peserta antarabangsa daripada pelbagai negara yang mengikuti program *Master in Anti-Corruption Studies (MCAS)* yang dikendalikan oleh *International Anti-Corruption Academy (IACA)* yang berpusat di Austria.

Forum yang dipengerusikan oleh Presiden Transparency International - Malaysia (TI-M), Dato' Akhbar Haji Satar (kiri) bersama panel jemputan terdiri daripada Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed dan bekas Pesuruhjaya Komisi Pembanteraan Korupsi (KPK), Indonesia, Erry R. Hardjapamekas

## SPRM-AZERBAIJAN

*Tandatangan MoU Jalin Kerjasama  
Banteras Rasuah*

Direktorat Antirasuah (ACD) Republik Azerbaijan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama SPRM di Putrajaya pada 4 Februari bagi menjalinkan kerjasama dalam bidang pencegahan rasuah.

ACD Azerbaijan merupakan agensi antarabangsa pertama menandatangani MoU dengan SPRM pada tahun ini.

Pada majlis tersebut, ACD Azerbaijan yang berada di bawah Pejabat Pendakwa Raya Azerbaijan, diwakili oleh Timbalan Ketua Pendakwa Raya, Kamran Aliyev manakala SPRM pula diwakili Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Dato' Sri Mohd Shukri Abdull. Majlis menandatangani MoU turut disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paul Low Seng Kuan dan Duta Besar Republik Azerbaijan ke Malaysia, Qaley Allahverdiyev. Turut hadir Timbalan Pengarah ACD Azerbaijan, Ali Naghiyev.

MoU ini melibatkan kerjasama dalam tujuh bidang, iaitu:

- **Memberi informasi antara satu sama lain yang relevan bagi tujuan penyelidikan awal, siasatan, pendakwaan dan pencegahan rasuah;**
- **Berkongsi dan bertukar maklumat tentang kaedah-kaedah jenayah serta aktiviti rasuah termasuk perubahan wang haram hasil jenayah dan pemulihan aset jenayah;**
- **Berkongsi teknik penyiasatan berkesan dan amalan-amalan baik dalam melaksanakan pengumpulan maklumat serta mengesan kesalahan berkaitan rasuah;**
- **Menganjurkan dan menyertai mesyuarat, persidangan, seminar atau bengkel terhadap pencegahan rasuah;**



Majlis menandatangani MoU di antara SPRM, diwakili oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Dato' Sri Mohd Shukri Abdull (duduk kiri) dan Timbalan Ketua Pendakwa Raya Azerbaijan, Kamran Aliyev, disaksikan oleh Datuk Paul Low Seng Kuan (berdiri dua dari kiri) dan Duta Besar Republik Azerbaijan ke Malaysia, Qaley Allahverdiyev.

- **Berkongsi dan tukar kajian, penyelidikan serta maklumat langkah pencegahan anti rasuah seperti pendidikan komuniti, kesedaran awam menerusi kempen;**
- **Melaksanakan latihan, kursus dan pertukaran kepakaran dalam bidang operasi seperti pengumpulan maklumat, siasatan awal, siasatan, pendakwaan, permintaan-permintaan bantuan undang-undang bersama dan penyerahan; dan**
- **Menjalankan aktiviti operasi lain dalam memerangi rasuah seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak apabila dianggap perlu.**

Selain itu, kedua-dua agensi berkenaan turut mengadakan mesyuarat dua hala buat kali pertama sejour majlis berkenaan, antaranya membincangkan cadangan mewujudkan kumpulan kerja yang bekerjasama dalam isu-isu operasi dan pencegahan rasuah.

Azerbaijan merupakan organisasi dan negara yang ke-15 menandatangani MoU bersama SPRM setakat ini.



## MAINJ

*Tandatangan Ikrar Integriti Korporat  
Perangi Rasuah*



Perasmian Majlis Ikrar Integriti Korporat Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) muncul sebagai agensi pertama menyahut usaha dan inisiatif serta menzahirkan komitmen memerangi rasuah dengan menandatangani Ikrar Integriti Korporat bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 29 Februari 2016 di Johor Bahru. Dengan ini MAINJ menjadi agensi yang ketujuh di Johor menandatangani Ikrar Integriti Korporat setakat ini.

Ikrar Integriti Korporat tersebut ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAINJ, Haji Md Rofiki Dato' Haji Shamsudin dan Pengarah SPRM Negeri Johor, Dato' Haji Azmi Alias sambil disaksikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Sri Haji Mustafar Haji Ali; Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri Johor, Haji Abd Mutalip Abd Rahim dan Timbalan Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Haji Amran Abd Rahman. Turut hadir di majlis tersebut Mufti Negeri Johor, Dato' Haji M. Tahir bin Dato' Kiyai Haji Shamsudin dan pegawai-pegawai kanan SPRM Johor.

Dalam pada itu, Dato' Sri Haji Mustafar yang menyambut baik langkah MAINJ berkata, pencegahan rasuah merupakan keperluan penting bagi sesebuah agensi. Peluang sebegini merupakan platform atau landasan bagi memastikan usaha pencegahan rasuah dapat dilaksanakan.

Md Rofiki pula memberitahu, pengurusan MAINJ akan menggariskan satu kod etika bagi meningkatkan budaya berintegriti di kalangan warga kerja MAINJ.

Sehubungan itu, beliau juga mengharapkan kerjasama berterusan daripada SPRM bagi menterjemahkan kandungan Ikrar Integriti Korporat.

Majlis tersebut dihadiri oleh lebih kurang 250 pegawai dan kakitangan MAINJ yang terdiri daripada Ketua-ketua penolong pengarah, Penolong-penolong pengarah negeri, Amin Baitulmal dan Penolong Amin Baitulmal daerah, menzahirkan sokongan untuk mencegah jenayah rasuah dengan melafazkan ikrar integriti di bawah pimpinan Md Rofiki.



# JKR SABAH

*Agensi Terawal Sahut Cabaran SPRM*

Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sabah menjadi agensi kerajaan yang terawal bagi tahun 2016 dalam menyahut cabaran SPRM untuk bersama-sama mencegah dan membanteras jenayah rasuah menerusi satu majlis yang dianjurkan menerusi kerjasama antara kedua-dua agensi.

Majlis menandatangani Komitmen Jabatan Kerja Raya Membanteras Jenayah Rasuah dan Sokongan Pencegahan Rasuah ini berlangsung pada 15 Januari di Beringgis Beach Resort, Papar, Kota Kinabalu, disaksikan oleh Tan Sri Datuk Seri Panglima Sukarti bin Wakiman, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah bersama Haji Ir. Amrullah bin Hj Kamal, Pengarah Jabatan Kerja Raya Sabah dan PKPj Hasbilah bin Mohamad Salleh, Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Sabah.

Seramai 72 pegawai kanan JKR Sabah, terdiri daripada Timbalan-timbalan Pengarah Jabatan Kerja Raya Sabah, Ketua-ketua Penolong Pengarah, Jurutera-jurutera Bahagian, Ketua-ketua Penguasa Projek dan Jurutera-jurutera Daerah, telah melafaz ikrar yang dipimpin oleh Hj. Ir. Yahiya Hj. Ag Kahar, Timbalan Pengarah Jabatan Kerja Raya Sabah secara tidak langsung menzahirkan sokongan untuk bersama mencegah dan membanteras jenayah rasuah dengan menandatangani komitmen tersebut.

Menurut Pengarah JKR Sabah dalam ucapan beliau pada majlis tersebut, usaha ini adalah amat baik dan penting bagi memantapkan pengurusan kualiti dan integriti jabatan di samping memberi kesedaran kepada semua pegawai berkenaan tanggungjawab sebagai penjawat awam. Selain itu, ketelusan dan kejujuran dalam setiap proses kerja juga memainkan peranan penting dalam memastikan kewujudan nilai akauntabiliti, dasar, peraturan dan tatacara yang jelas dan betul di dalam proses perancangan serta penyediaan perolehan, tender mahupun kontrak kerajaan.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Sukarti Wakiman turut memuji usaha gigih yang ditunjukkan oleh Jabatan Kerja Raya Sabah untuk membawa agensi tersebut untuk menyahut komitmen membanteras jenayah rasuah ini.

Pada 28 Mei 2015 yang lalu, atas inisiatif yang telah diambil oleh Tan Sri Datuk Seri Sukarti, semua Ketua Jabatan Negeri Sabah telah pun menandatangani Komitmen dan Sokongan Pencegahan Rasuah ini.



Penyerahan Komitmen & Sokongan Pencegahan Rasuah oleh Hj. Ir. Amrullah Hj. Kamal (dua dari kiri), Pengarah Kerja Raya kepada PKPj Hasbilah Mohamad Salleh (kiri), Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Sabah dan disaksikan oleh Tan Sri Datuk Seri Sukarti Wakiman, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah.



# PMBK TANDATANGAN CIP

## Komitmen Perangi Rasuah Bersama SPRM

Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) menzahirkan komitmen bagi menyokong usaha pencegahan rasuah di negara ini dengan menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) di Kota Bahru.

Bagi pihak PMBK, CIP ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK, Hj Ahmad Zakie Ahmad Shariff manakala Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diwakili oleh Pengarah SPRM Negeri Kelantan, Datuk Hj Abdul Aziz Aban. Majlis tersebut yang dilangsungkan pada 25 Januari, disaksikan oleh Menteri Besar Kelantan, Dato' Hj Ahmad Yakob dan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed.



CIP ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK, Hj Ahmad Zakie Ahmad Shariff manakala Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diwakili oleh Pengarah SPRM Negeri Kelantan, Datuk Hj Abdul Aziz Aban. Majlis disaksikan oleh Menteri Besar Kelantan, Dato' Hj Ahmad Yakob dan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Usaha ini juga bagi mewujudkan mekanisme dalaman menyokong usaha persekitaran bebas rasuah dalam pengurusan PMBK sebagai syarikat pelaburan kerajaan negeri.

Selain itu, prinsip CIP turut mencakupi usaha membanteras sebarang bentuk amalan rasuah dan menyokong inisiatif pencegahan rasuah yang diusahakan oleh kerajaan Malaysia dan SPRM.

### PRINSIP CIP

- Mempromosikan nilai-nilai ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik;
- Memperkukuhkan mekanisme kawalan dalaman dengan memasukkan elemen-elemen yang menyokong pencegahan rasuah; dan
- pematuhan undang-undang serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengan memerangi rasuah.

## 'IKRAR INTEGRITI PENJAWAT AWAM NEGERI MELAKA'

Program 'Ikrar Integriti Penjawat Awam Negeri Melaka' telah berjaya dilaksanakan di Seri Negeri, Melaka. Program tersebut merupakan anjuran Unit Integriti negeri Melaka pada 26 Januari dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka.

*Antara objektif program tersebut menjurus kepada usaha membanteras rasuah di kalangan penjawat awam dan swasta negeri tersebut. Dalam pada itu, objektif program lain adalah menanam sifat berintegriti dan beretika dalam membentuk amalan baik tadbir urus serta mengukuhkan sistem kawalan dalaman bagi mengelakkan berlakunya rasuah.*

Seramai 800 orang terdiri daripada Ketua Jabatan, Ketua Pengarah, Pegawai Kanan dan staf-staf kerajaan negeri, terlibat pada hari tersebut. Turut hadir, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ir Hj Idris Haron yang merasmikan majlis penutup.

Bacaan ikrar telah diketuai oleh Nizam Omar selaku Setiausaha Sulit Ketua Menteri Melaka. Bacaan ikrar tersebut membuktikan komitmen penuh kerajaan negeri Melaka terhadap usaha-usaha pembanteras rasuah di negeri tersebut.

Dalam pada itu, Ketua Menteri Melaka turut memuji hala tuju SPRM pada masa kini yang menegenahkan aspek pencegahan dan pendidikan serta merakyatkan SPRM sebagai nadi utama. Dengan itu, masyarakat dapat mengenali fungsi-fungsi SPRM dengan lebih jelas.

Beliau turut berbangga kerana kadar aduan kepada SPRM di kalangan penjawat awam juga semakin menurun. Ini membuktikan program-program merakyatkan SPRM telah berjaya memberi impak kepada penjawat awam.



Pengarah SPRM Melaka, KPKPj Ramli Ismail bersama warga penjawat awam negeri Melaka melafazkan ikrar integriti Penjawat Awam Negeri Melaka.

# PUSPANITA

## Sokongan Keluarga Amat Penting Dalam Menghadapi Cabaran Hidup

Ahli keluarga di rumah mampu memberikan sokongan serta semangat yang tinggi ketika berhadapan dengan krisis dan cabaran hidup.

"Apabila kita berhadapan dengan sesuatu krisis, kita amat memerlukan sokongan daripada keluarga. Keluarga kita mampu memberikan kita suatu semangat yang tinggi dalam menghadapi krisis dan cabaran hidup.

"Isteri saya amat memberi perhatian kepada keadaan semasa dan telah memberi pandangannya untuk menyabarkan dan memberi semangat kepada saya," ujar Ketua Pesuruhjaya (KP) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Abu Kassim Mohamed semasa mengimbau kembali peristiwa-peristiwa yang berlaku pada tahun 2015.

*"Puspanita bertujuan untuk memastikan suami menjalankan kerja-kerja dengan baik. Walaupun mereka menyokong kita semasa sesuatu krisis, pada masa yang sama adalah tanggungjawab kita untuk menyokong mereka dalam melancarkan program Puspanita," katanya.*

Beliau merayu kepada semua pegawai, isteri pegawai dan kakitangan supaya melibatkan diri secara aktif dalam Puspanita. "Penglibatan anda dapat memberi nafas baru dan meningkatkan aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan. Puspanita banyak membantu organisasi terutamanya SPRM dan Puspanita juga dapat mempromosikan SPRM," jelasnya.

Pengerusi Puspanita SPRM, Puan Sri Rasheedah Zachariah Merican berkata Puspanita akan bersatu padu untuk memastikan pegawai-pegawai SPRM tidak ditindas dan mengingatkan warga SPRM bahawa 'kejayaan Puspanita adalah kejayaan SPRM'.

"Di sini, kita berdiri di barisan hadapan kerana tugas dan kerja suami di SPRM. Kita bersama-sama suami dalam kesusahan dan kesenangan. Kami isteri selalu mendoakan kepada Allah untuk kesejahteraan suami dan pegawai-pegawai SPRM.

"Kita tidak masuk campur dalam hal-hal pengurusan tetapi kesejahteraan dan keselamatan suami kita adalah aspek yang diberi keutamaan. Sebagai isteri, kita akan selalu berada di sisi suami," kata Puan Sri Rasheedah dalam ucapan aluannya.

Dalam pada itu, suatu sesi Pemilihan Ahli Jawatankuasa Puspanita SPRM bagi sesi 2016 sehingga 2018 turut diadakan.



Pengerusi Bahagian dan AJK Puspanita bersama Pengerusi PUSPANITA SPRM, Puan Sri Rasheedah Zachariah Merican serta Pengurusan Tertinggi SPRM

Beliau berkata sedemikian semasa merasmikan Mesyuarat Terhimpun Puspanita SPRM kali ke-13 bagi Tahun 2016 pada 18 Februari di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.



Wakil pasukan SPRM menerima Piala Integriti sempena pelancaran E-League Putrajaya disaksikan oleh Dato' Sri Haji Mustafar, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), SPRM.

Pasukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memenangi perlawanan persahabatan merebut Piala Integriti selepas membenam pasukan Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT), 3 - 1.

Perlawanan yang berlangsung pada 26 Februari di Stadium Pancarona Presint 18, Putrajaya diadakan bersempena dengan Majlis Pelancaran E-League Putrajaya 2016 yang dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi (KSR), SPRM.

Presiden KSR SPRM merangkap Pengerusi Lembaga Pengelola E-League Putrajaya 2016, Tuan Ahmad Sabri Bin Mohamed berkata, liga ini adalah acara sulung edisi E-League iaitu Liga Penguatkuasa atau Enforcement League yang merupakan liga sukan khusus untuk penguatkuasa undang-undang.

**"Antara objektif utama ialah mengeratkan hubungan dan kerjasama antara agensi dan pegawai penguatkuasa seluruh Malaysia melalui wadah sukan dan rekreasi,"**

Liga Bola Sepak Penguatkuasa Putrajaya 2016 disertai pasukan SPRM, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kastam Diraja Malaysia (KDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Perbadanan Putrajaya. Presiden KSR telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengelola E-League Putrajaya 2016.

E-League Putrajaya 2016 ini akan menjadi perintis kepada penganjuran E-League Kebangsaan yang bakal menghimpunkan agensi-agens penguatkuasa dari seluruh negara pada tahun hadapan. Radio Streaming SPRM iaitu MACC.fm akan bertindak sebagai Penyiar Rasmi E-League dan i-League manakala pasukan UKM FC yang bertanding dalam Liga FAM 2016 Malaysia anjuran FAM pula dilantik menjadi duta untuk mempromosikan E-League dan i-League.

Hadir bersama untuk memberikan kata-kata semangat dan sokongan kepada para pemain mewakili SPRM ialah Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Dato' Sri Haji Mustafar Haji Ali dan Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, Dato' Norazlan Mohd Razali.





**LAPORKAN RASUAH**  
**1800 88 6000**

BEBAS . TELUS . PROFESSIONAL

EMAIL : [info@sprm.gov.my](mailto:info@sprm.gov.my)

SMS : 0196000 696